

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos / September 1998**

**PPG 219 / PDP 419 : Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan I**

**Masa : [ 3 Jam ]**

---

**ARAHAN :** Kertas soalan ini terdiri daripada **DUA** bahagian.

**BAHAGIAN A**

Mengandungi **30** soalan objektif. Jawab semua soalan dari bahagian ini dengan menghitamkan jawapan yang amat sesuai sekali dalam Borang Jawapan Komputer (Borang OMR) yang disediakan.

Soalan Bahagian ini tidak boleh dibawa keluar dari dewan peperiksaan. Jawapan untuk Bahagian ini akan dikutip berasingan.

**BAHAGIAN B**

Mengandungi **3** soalan esei. Jawab **DUA** soalan sahaja.

Nota : Ikat kesemua jawapan dalam buku jawapan.

...2/-

**BAHAGIAN A : Soalan Objektif (30 markah )**

Jawab semua soalan. Pilih jawapan yang betul dengan menghitamkan huruf yang berkenaan di kertas jawapan OMR.

1. Model sebenar yang digunakan untuk melaksanakan demonstrasi dikenali sebagai :
  - A. model simbolik
  - B. model hidup
  - C. model konkrit
  - D. model persepsi
2. Model yang dilakukan berdasarkan langkah-langkah bertulis, bergambar atau arahan guru dikenali sebagai :
  - A. model simbolik
  - B. model hidup
  - C. model konkrit
  - D. model persepsi
3. Model yang dilaksanakan bemanduan kepada tayangan video dikenali sebagai :
  - A. model simbolik
  - B. model hidup
  - C. model konkrit
  - D. model persepsi
4. Yang manakah antara berikut dianggap sebagai elemen dalam kurikulum “tersembunyi”
  - A. kemahiran yang dimiliki bakal pekerja
  - B. pemaparan imej positif
  - C. kedua-dua jawapan di atas
  - D. tidak boleh dikenalpasti
5. Satu cara untuk memaksimumkan pembelajaran murid ialah dengan :
  - A. menekankan kepatuhan kepada arahan guru
  - B. menggunakan pelbagai strategi pengajaran
  - C. memerhatikan cara murid belajar
  - D. kesemua jawapan di atas

6. Pekerja masa hadapan memerlukan kemahiran atau kemahiran-kemahiran berikut :
  - A. mendengar
  - B. lisian
  - C. kedua-dua jawapan di atas (A) (B)
  - D. memperolehi jawapan yang tepat
7. Taksonomi bertujuan untuk menjelaskan :
  - A. hasil yang dihajati daripada proses pendidikan
  - B. buku teks
  - C. perkaitan semula jadi
  - D. simbol-simbol
8. Aras paling rendah dalam domain kognitif ialah :
  - A. kefahaman
  - B. pengetahuan
  - C. konsep
  - D. fakta
9. Pengetahuan merujuk kepada :
  - A. kebolehan mengingat kembali maklumat
  - B. kebolehan mengecam idea
  - C. kedua-dua jawapan di atas (A) (B)
  - D. kebolehan memberi contoh-contoh yang berkaitan
10. Kebolehan pelajar mengingat kembali fungsi bank perdagangan adalah berkaitan dengan :
  - A. aliran dan urutan
  - B. kaedah menghadapi perkara-perkara khusus
  - C. perkara-perkara khusus
  - D. pengelasan

11. Yang manakah di antara berikut yang **paling sukar** dilaksanakan?
  - A. mendefinisi istilah
  - B. pengelasan dan kategori
  - C. mengingat fakta-fakta khusus
  - D. mengingat teori dan struktur
  
12. Asas yang paling rendah dalam penaakulan dikenali sebagai 
  - A. kefahaman
  - B. kefasihan
  - C. kemahiran
  - D. kebolehan intelek
  
13. Kebolehan membuat ramalan sejajar dengan data-data yang diberikan dikenali sebagai :
  - A. interpolasi
  - B. kebolehan intelek
  - C. ekstrapolasi
  - D. sintesis
  
14. Kebolehan menyelesai masalah bagi situasi baru apabila pengabstrakan dinyatakan dikenali sebagai aplikasi :
  - A. pengetahuan
  - B. kefahaman
  - C. terjemahan
  - D. pentafsiran
  
15. Aspek yang penting dalam kategori aplikasi ialah :
  - A. butir-butir baru
  - B. butir-butir lama
  - C. pengetahuan
  - D. variasi

...5/-

16. Satu bantuan untuk kefahaman yang lebih mendalam atau sebagai satu permulaan dan untuk menilai sesuatu merujuk kepada :
- A. urutan
  - B. aplikasi
  - C. analisis
  - D. sintesis
17. Yang manakah antara berikut merujuk kepada peranan guru sebagai perancang :
- A. aktiviti dalam bilik darjah
  - B. aktiviti di luar bilik darjah
  - C. kedua-dua jawapan di atas (A) (B)
  - D. memperkembangkan bakat sedia ada
18. Penggunaan istilah simpankira, prinsip akaun atau perakaunan dalam sistem persekolahan bertujuan untuk :
- A. membezakan urusan perniagaan
  - B. membezakan kaedah pengajaran
  - C. membezakan catatan perniagaan
  - D. mengenalpasti sukanan pelajaran untuk jenis peperiksaan
19. Mata pelajaran prinsip akaun dan perdagangan ditawarkan sebagai mata pelajaran :
- A. kemahiran hidup
  - B. keusahawan
  - C. teras
  - D. elektif
20. Mata pelajaran Kemahiran Hidup mengandungi komponen-komponen :
- A. perdagangan
  - B. simpangan kira
  - C. kedua-dua jawapan di atas (A) (B)
  - D. pertanian

21. Salah satu dari objektif pendidikan simpan kira, prinsip akaun atau perakaunan ialah untuk memahami isi kandungan dari aspek :
- A. mengapa
  - B. apa
  - C. mengapa
  - D. kesemua jawapan di atas
22. Yang manakah antara berikut terkandung dalam objektif mata pelajaran perdagangan :
- A. bertindak sebagai pengguna yang bijak dan rasional
  - B. bertindak sebagai pekerja atau pengusaha yang rajin
  - C. bertindak sebagai warga negara yang bertanggungjawab
  - D. Kesemua jawapan diatas
23. Mata pelajaran perakaunan mengandungi komponen :
- A. pengetahuan
  - B. kemahiran
  - C. kedua-dua jawapan di atas (A) (B)
  - D. konsep dan generalisasi
24. Pengajaran prinsip akaun dengan menggunakan pendekatan jurnal dikenali sebagai :
- A. penekanan kepada debit dan kredit
  - B. penggunaan jurnal untuk semua catatan urusniaga
  - C. penggunaan jurnal untuk merekod akan akhir
  - D. penekanan kepada tugas sebenar yang dilaksanakan dalam kitaran perakaunan
25. Pendekatan lejar menekankan aspek :
- A. kenapa
  - B. bagaimana
  - C. kenapa dan bagaimana
  - D. penyediaan penyata kewangan

26. Kaedah yang manakah paling berkesan untuk mengajar prinsip akaun dan perdagangan :
- A. perbincangan
  - B. demonstrasi
  - C. kuliah
  - D. tiada kaedah yang berkesan secara menyeluruh
27. Untuk membantu pelajar menguasai kemahiran mengira untuk mata pelajaran prinsip akaun, guru boleh melaksanakan langkah atau langkah-langkah berikut :
- A. memberi latih tubi menyelesai masalah
  - B. memisahkan masalah matematik dari masalah perakaunan
  - C. mengasingkan ujian matematik
  - D. kesemua jawapan di atas
28. Memisahkan masalah matematik dari masalah perakaunan merujuk kepada :
- A. menentukan aspek kemahiran yang ingin ditekankan
  - B. tidak mengajar aspek pengiraan
  - C. menekankan aspek ketepatan urusniaga
  - D. mengenalpasti kemahiran yang boleh digabungkan dalam pengajaran prinsip-prinsip
29. Yang manakah antara berikut tidak sesuai dilaksanakan sebagai perbincangan :
- A. topik berbentuk fakta
  - B. kajian kes
  - C. isu-isu yang berkroversi
  - D. penyelesaian masalah
30. Yang manakah antara berikut tingkah laku yang **paling mudah** :
- A. memberi definisi istilah
  - B. menghuraikan dengan menggunakan perkataan sendiri
  - C. menghuraikan prinsip-prinsip tertentu dalam perakaunan
  - D. membuat catatan bergu



**BAHAGIAN B : Soalan Esei (70 markah)**

**Jawab dua soalan sahaja.**

**SOALAN 2**

Mata pelajaran perdagangan dan perkaunan mengandungi banyak istilah. Apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan agar istilah-istilah tersebut dapat dipelajari dengan berkesan?

[ 35 markah ]

**SOALAN 3**

Apakah yang dimaksudkan dengan pengajaran bercorak individu? Bezakan antara bentuk bentuk pengajaran yang digolongkan dalam kategori ini.

[ 35 markah ]

**SOALAN 4**

Huraikan langkah-langkah pengajaran mata pelajaran perakaunan apabila menggunakan pendekatan persamaan perakaunan.

[ 35 markah ]

